

Headline **Tiada halangan penghidap HIV kahwin**  
Date **22. Jun 2009**  
Media Title **Kosmo**  
Section **Negara**  
Circulation **108796**  
Readership **406000**

Language **MALAY**  
Page No **3**  
Article Size **343** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Black/White**  
AdValue



## Tiada halangan penghidap HIV kahwin

KUALA LUMPUR - Bakal pengantin yang menghidap HIV/AIDS boleh memilih untuk meneruskan perkahwinan mereka ataupun membatalkannya.

Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd. Tamyas Abd. Wahid berkata, HIV termasuk dalam lima kecacatan dalam perkahwinan dan bakal pengantin yang menghidapnya dinasihatkan tidak meneruskan perkahwinan mereka.

"Jika ingin meneruskan juga perkahwinan, pihak kami tidak dapat menghalang tetapi pasangan terbahit dinasihati mengambil langkah berjaga-jaga supaya penyakit tidak merebak.

"Hukumnya harus tetapi pasangan mestilah bersedia untuk berhadapan dengan sebarang risiko," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar kelmari mengenai 233 orang bakal pengantin di Kelantan disahkan

menghidap HIV/AIDS sepanjang tahun lalu.

Tamyas menambah, bakal pengantin boleh meminta fasakh jika baru mendapat tahu pasangannya menghidap HIV dan AIDS.

Sementara itu, Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Datuk Mohd. Nooh Gadut berkata, sekiranya bakal pengantin menghidap HIV/AIDS maka sewajarnya perkahwinan itu tidak berlaku.

"Perkahwinan bukan untuk sehari malah tujuan sebenar perkahwinan ialah untuk menambahkan zuriat demi kepentingan bangsa, agama dan negara," jelasnya.

Justeru itu, katanya, bakal pengantin yang menghidap HIV/AIDS dinasihatkan tidak meneruskan perkahwinan kerana cinta itu merupakan nafsu syahwat semata-mata yang akhirnya akan berlaku konflik dan jangkitan kepada zuriat yang dilahirkan.